

CNS6079

R GB 20-08 00155 BA431

BAH

PAKAR PERUBATAN PERLU PENTINGKAN PERSEKITARAN, KATA DR MAHATHIR

1
MILAKA, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru pakar perubatan supaya memberikan perhatian yang lebih untuk mewujudkan persekitaran yang selamat bagi menjamin kesihatan masyarakat.

Ini penting kerana dalam jangka panjang kesihatan masyarakat akan terjejas jika keadaan persekitaran itu tidak selamat, kata beliau dalam buku cenderamata Kongress ke-18 Persekutuan Persatuan Perubatan Asia dan Ocenia.

Katanya, menjadi tanggungjawab pakar perubatan dalam tradisi perubatan pencegahan untuk menggerakkan masyarakat dalam mewujudkan kesedaran berhubung dengan bahaya daripada persekitaran yang tidak selamat.

Beliau berharap persidangan itu akan memberikan sumbangan penting kepada persekitaran yang sihat dan selamat yang akan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di rantau ini.

Persidangan tiga hari itu yang bermula di sini, hari ini, dan bertemakan "Kesihatan dan Persekitaran" dihadiri 300 peserta dari 14 negara di rantau Asia Pasifik. -- Bernama.

BK-PR KAM.